

# Pengasasan Kesultanan Johor Riau

1

## Pengasasan Kerajaan

- Kesultanan Johor Riau diasaskan oleh Raja Ali, putera Sultan Mahmud Shah dan Tun Fatimah.
- Baginda menggunakan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah I (1528 – 1564).
- Baginda menitahkan Bendahara Seri Nara Diraja menghimpunkan rakyat untuk membuka negeri di pesisir Sungai Johor.

2

## Pusat Pemerintahan Kota Kara, Pekan Tua

- Pada tahun 1528, Sultan Alauddin Riayat Shah I membina pusat pemerintahan di Kota Kara, Pekan Tua.
- Kota Kara dijadikan pusat pemerintahan kerana terletak berhampiran sungai yang lebar dan dalam memudahkan kapal keluar masuk.
- Kawasan berbukit bukau di sekitar Kota Kara menjadi benteng pertahanan daripada ancaman luar.

3

## Pusat Pemerintahan Kota Sayong, Sayong Pinang

- Pada tahun 1535, Sultan Alauddin Riayat Shah I membuka pusat pemerintahan di Kota Sayong apabila Kota Kara diserang dan dimusnahkan oleh Portugis.
- Kota Sayong lebih selamat kerana kapal perang musuh sukar melintasi sungai yang sempit.

4

## Pusat Pemerintahan Kota Batu, Johor Lama

- Pada tahun 1540, Sultan Alauddin Riayat Shah I memindahkan pusat pemerintahan ke Kota Batu, Johor Lama yang dikenali sebagai Tanjung Batu.
- Kedudukannya yang strategik di Sungai Johor yang lebar dan dalam memudahkan kapal dagang keluar masuk.

5

- Kesultanan Johor Riau berkembang dan diperintah oleh sultan daripada dua keturunan.
- Dari tahun 1528 hingga 1699, pemerintahan diketuai oleh waris berketurunan Kesultanan Melayu Melaka.
- Dari tahun 1699 hingga tahun 1824, pemerintahan diteruskan oleh sultan berketurunan Bendahara Johor.